

05 MAY 2003

ABDULLAH-RANGSANGAN/I

DR MAHATHIR DIBERI TAKLIMAT TENTANG PAKEJ RANGSANGAN

CYBERJAYA, 5 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau telah memberi taklimat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi mengenai deraf pakej rangsangan yang akan diumumkan kerajaan tidak lama lagi.

"Tentunya Perdana Menteri boleh memberikan idea sendiri untuk mengatakan apa yang beliau mahu katakan," katanya.

"Deraf itu hanya deraf. Pakej rangsangan terpulang kepada pemimpin kita," katanya kepada sidang media selepas menyampaikan Anugerah Majikan Terbaik Malaysia, di sini hari ini.

Ditanya bila pakej itu akan diumumkan, beliau berkata: "Sabarlah. Saya tidak katakan ia akan dibuat minggu ini. Biar Perdana Menteri membaca deraf itu terlebih dahulu."

Dr Mahathir kembali bertugas hari ini selepas mengambil cuti dua bulan.

Mengenai jempunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk Malaysia dan beberapa negara lain menyertai rundingan mengenai pembinaan semula Iraq, Abdullah berkata ia menunjukkan bahawa IMF mengiktiraf keupayaan Malaysia.

Selain Malaysia, IMF telah menjemput Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Jerman, Jepun, Russia dan China untuk berbincang cara-cara membina semula Iraq berikutan pencerobohan Amerika dan pakatannya.

"Mereka mengiktiraf keupayaan kita (dan) pengalaman kita dalam membangunkan negara," kata Timbalan Perdana Menteri.

Sementara itu, di majlis penganugerahan di sini, Ritz-Carlton Kuala Lumpur dan Dumex (Malaysia) Sdn Bhd dinamakan sebagai majikan terbaik di Malaysia berdasarkan tinjauan Majikan Terbaik Asia 2003 yang dijalankan oleh firma perunding sumber manusia, Hewitt Associates.

Sebanyak 305 organisasi dan 84,183 pekerja China, Hong Kong, Korea Selatan, Malaysia, Filipina, Singapura, Taiwan dan Thailand terlibat dalam tinjauan itu.

Di Malaysia, 43 syarikat dan 12,211 pekerja menyertainya. -- -- BERNAMA  
AZH MKO/MR JR